



## SYNERGY CARDS SDN BHD

### LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Synergy Cards Sdn Bhd  
Kad Kredit Synergy  
Tarikh: Jun 2014

(Baca Lembaran Maklumat Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Kredit Synergy Visa/Mastercard Classic dan Gold. Pastikan anda membaca terma dan syarat am.)

#### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Kad ini merupakan kad kredit Synergy MasterCard/VISA, dengan kemudahan kredit yang diberikan kepada anda oleh AmBank (M) Bhd dan bagi sebarang jumlah kredit yang anda gunakan mesti dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan dan sebarang jumlah yang belum jelas itu akan dikenakan caj kewangan.

#### 2. Apakah manfaat yang saya perolehi daripada produk ini?

##### Had Kredit

- Kira-kira 3 kali pendapatan bulanan anda
- Tidak lebih dari 2 kali pendapatan bulanan anda sekiranya pendapatan tahunan anda adalah RM36,000 atau kurang

##### Caj Kewangan (Akaun Barisan Kredit)

	Kadar Bulanan	Kadar Tahunan	Keterangan
Pembelian	1.25%	15%	Bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh 12 bulan berturut-turut.
	1.42%	17%	Membuat bayaran minimum tepat pada masanya sebanyak 10/11 kali dalam tempoh 12 bulan lepas.
	1.5%	18%	Membuat bayaran tepat pada masanya sebanyak 9 atau kurang dalam tempoh 12 bulan lepas.
Pendahuluan tunai	1.5%	18%	18% setahun akan dikenakan untuk setiap pendahuluan tunai bermula dari tarikh ia diberikan sehingga tarikh ia dijelaskan.
Pindahan Baki	-	-	Tidak ditawarkan

Untuk menikmati caj kewangan lebih rendah bagi transaksi runcit, anda hendaklah membuat sekurang-kurangnya 10 bayaran tepat pada masanya dalam tempoh 12 bulan lepas.

Nota: Caj Kewangan Berperingkat tidak diguna pakai bagi transaksi Pendahuluan Tunai.

### **3. Apakah tanggungjawab saya?**

#### Bayaran Bulanan Minimum

Bagi Akaun Barisan Kredit, 5% daripada baki belum jelas atau minimum RM50 pada atau sebelum tarikh matang yang ditetapkan.

Bagi Akaun Kad, bayaran penuh jumlah baki belum jelas pada atau sebelum tarikh matang yang ditetapkan.

#### Tempoh Tanpa Faedah Caj Kewangan

20 hari dari tarikh penyata bulanan, selagi tiada baki belum jelas dalam akaun kad kredit.

Nota: Sebagai Ahli Kad Utama, anda bertanggungjawab terhadap semua urusan niaga yang ditanggung oleh Ahli Kad Tambahan.

### **4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

#### Yuran Tahunan dan Yuran Penyertaan (Kad Utama dan Tambahan) Percuma Sepanjang Hayat Tanpa Syarat.

#### Yuran Pendahuluan Tunai

Yuran Pendahuluan Tunai sekali 4% daripada jumlah yang dikeluarkan atau minimum RM40, yang mana lebih tinggi akan dikenakan kepada akaun kad bagi setiap urusan niaga Pendahuluan Tunai.

#### Caj Kewangan Pendahuluan Tunai

Tambahan kepada Yuran Pendahuluan Tunai, caj kewangan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira seharian akan dikenakan ke atas jumlah Pendahuluan Tunai dari tarikh transaksi dibuat sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam akaun Kad.

#### Yuran Had Lebihan

Yuran Had Lebihan sehingga 2% atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi akan dikenakan ke atas jumlah melebihi had kredit.

#### Yuran Penggantian Kad

Yuran penggantian kad sebanyak RM50 akan dikenakan untuk setiap kad.

#### Yuran Urus Niaga Luar Negara

Urus niaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urusan niaga diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian disiarkan akibat turun-naik pasaran. Kadar tukaran ditentukan oleh MasterCard International atau VISA International ditambah kos pentadbiran sebanyak 1%.

### Yuran Permintaan Draf Jualan

Di atas permintaan ahli kad draf jualan akan dikeluarkan dan dikenakan yuran RM10 sehingga RM40 setiap salinan. Semua rekod dan catatan dalam penyata kad hendaklah dianggap betul dan mengikat terhadap ahli kad melainkan ahli kad memaklumkan Synergy secara bertulis tentang kesilapan dalam penyata kad tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh penyata kad.

### Yuran Permintaan Penyata

Hanya permintaan ahli kad bagi penyata akan dilayan dengan dikenakan yuran RM5 bagi setiap salinan.

### Cukai Perkhidmatan

Cukai Perkhidmatan Kerajaan akan dikenakan ke atas kad kredit. Yuran sebanyak RM50 bagi setiap Kad Utama dan RM25 setiap Kad Tambahan akan dikenakan untuk penyata pertama selepas kad dikeluarkan dan pada setiap tarikh ulang tahun yang berikutnya.

## **5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

### Caj Pembayaran Lewat (Akaun Barisan Kredit)

Jika bayaran minimum tidak dibuat pada tarikh matang pembayaran, caj pembayaran lewat sebanyak 1% sebulan akan dikenakan daripada jumlah belum jelas yang dihutang atau minimum RM10, yang mana lebih tinggi sehingga maksimum RM100.

### Caj Pembayaran Lewat (Akaun Kad)

Jika bayaran penuh tidak dibuat pada tarikh matang pembayaran, caj pembayaran lewat sebanyak 2.5% sebulan akan dikenakan daripada jumlah belum jelas yang dihutang atau minimum RM30, yang mana lebih tinggi.

### Hak untuk tolak selesai

Kami berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun kad kredit anda yang diselia oleh kami bagi sebarang baki belum jelas dalam akaun kad kredit ini.

### Liabiliti untuk transaksi tidak dibenarkan

Liabiliti Ahli Kad bagi sebarang transaksi yang tidak dibenarkan akibat kehilangan atau kecurian Kad Kredit adalah tidak melebihi jumlah maximum RM250, melainkan sekiranya Ahli Kad melakukan penipuan atau gagal untuk memaklumkan kepada pengeluar dengan segera selepas mengetahui bahawa Kad Kredit berkenaan telah hilang atau dicuri.

Nota: Jika anda gagal untuk mematuhi Terma dan Syarat kad kredit, maka kami berhak untuk menamatkan perkhidmatan kad kredit anda.

## **6. Apakah risiko pentingnya?**

Dengan hanya membuat bayaran bulanan minimum, jumlah faedah dan masa yang diambil untuk menjelaskan jumlah penuh pinjaman akan meningkat. Fikirkan tentang

keupayaan anda membayar balik apabila menggunakan kad kredit. Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki belum jelas bagi kad kredit ini adalah berasaskan struktur penetapan harga berperingkat menurut rekod pembayaran anda.

Jika anda mengalami masalah membayar baki hutang kad kredit anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma terhadap pengurusan wang, kaunseling kredit, dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Tel : 1-800-22-2575

E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

Jika anda mendapati kad kredit anda hilang atau dicuri atau jika anda mencurigai bahawa nombor PIN anda telah hilang, dicuri atau didedahkan kepada orang lain anda perlu menghubungi kami serta merta.

**7. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?**

Adalah amat penting untuk anda memaklumkan kami dengan segera tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**8. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut mengenai kad kredit, sila rujuk laman web [www.bankingfo.com.my](http://www.bankingfo.com.my). Jika anda perlukan maklumat lanjut, anda boleh menghubungi kami di:

Synergy Cards Sdn Bhd

Customer Service

Level 2, East Wing, Wisma Synergy, No.

72, Pesiaran Jubli Perak, Seksyen 22,

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5191 2229

Faks: 03-5191 0088

E-Mail: [cs@synergycards.com.my](mailto:cs@synergycards.com.my)

Laman web: [www.synergycards.com.my](http://www.synergycards.com.my)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAKI KAD KREDIT ANDA DENGAN SEWAJARNYA.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah mulai Jun 2014

